



Ruj Kami : ANM/WPL-400/7/025 (5)

Tarikh : 30 OGOS 2024

SEMUA KETUA JABATAN/
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERAKAUNAN ASET : TATACARA KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET BUKAN KEWANGAN
MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat JANM.BPOPA.600-1/4/1 (32) bertarikh 30 MAC 2022 adalah berkaitan.

2. Pelaporan aset bukan kewangan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan hendaklah tepat dengan mematuhi polisi perakaunan yang berkuatkuasa. Pemantauan berterusan hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Akaun, Kementerian dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan bagi memastikan Pusat Tanggungjawab memperakaunkan pelupusan/penyahiktirafan aset dalam tahun semasa ianya dilupuskan iaitu pada tarikh pengiktirafan pelupusan aset berkenaan. Namun begitu terdapat scenario dimana aset berkenaan tidak dapat diperakaunkan dalam tahun semasa menyebabkan berlakunya kesilapan perakaunan.
3. Tindakan membetulkan kesilapan perakaunan tempoh terdahulu perlu dilaksanakan dengan merujuk kepada Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) 3 – Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan. Pembetulan kesilapan ini melibatkan Lebihan/Kurangan Terkumpul (RE) dimana ianya akan dinyatakan dalam Penyata Perubahan Ekuiti Kementerian.
4. Sehubungan dengan itu, bagi menyelaraskan tindakan tersebut, Tatacara Kelulusan Khas Pelupusan Aset Bukan Kewangan Melibatkan Tahun Kewangan Berlainan (Versi kemaskini Mac 2022) disertakan bersama-sama ini seperti di lampiran.
6. Kelulusan Khas pelupusan ini hanya boleh dilakukan dalam tempoh pra peralihan sahaja dan tidak terpakai kepada pembetulan kesilapan migrasi data baki awal yang mana perlu melalui Unit Amalan Perakaunan, Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in blue ink, appearing to be 'A. Binti A. Ghafar', written in a cursive style.

NIK ARIFAH BINTI ABDUL GHAFAR C.A.(M)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Wilayah Persekutuan Labuan